

Kerjasama KL, Jakarta takrif visi ekonomi serantau

BH - 12/1/2023 ml: 11

Oleh **Muhamad Hanapi Jamaludin**
bhrencana@bh.com.my

Gagasan Masyarakat Ekonomi ASEAN (MEA) ke arah visi membentuk integrasi ekonomi serantau direncanakan sejak 2015 menuntut persefahaman dan komitmen Malaysia dan Indonesia untuk memberikan naratifnya.

Empat sifat utama gagasan ini ialah pasaran tunggal dan produksi, kawasan ekonomi berdaya saing tinggi, pembangunan ekonomi merata serta terintegrasi penuh dengan ekonomi global.

Kita perlu mengajukan persoalan siapakah pentakrif atau pendefinisi masyarakat ekonomi ASEAN. Jawapannya, mengapa tidak masyarakat berbahasa Melayu/Indonesia berasaskan konsep ras dan budaya satu ini yang menjadi terasnya?

Pertemuan terkini pemimpin kedua-dua negara di Jakarta yang berlaku dalam kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bertemu Presidennya, Jokowi, nampaknya mengulangi tekad untuk sentiasa mempertingkatkan kemesraan dan kesalingan semangat muhibah bersama.

Perdana Menteri menegaskan Malaysia dan Indonesia boleh menjalinkan kerjasama mengukuhkan ekonomi kedua-dua negara. Bahkan,

hubungan itu akan menuju kepada suatu tahap belum pernah dicapai.

Soalnya, bagaimanakah hasrat itu akan 'dipindahkan' daripada tekad kepada buat? Huraian itu sebenarnya diterangkan Anwar dalam beberapa forum sama ada kenyataan media bersama Jokowi, sesi syarahan umum dan soal jawab.

Kerjasama strategik akan dicapai untuk pastikan kemampanan industri sawit kerana Malaysia dan Indonesia membekalkan hampir 85 peratus pengeluaran dunia.

Dalam sektor penghasilan tenaga boleh diperbaharui, Malaysia dan Indonesia perlu memperhebatkan lagi kerjasama dengan meneroka pelbagai kepakaran dapat dimanfaatkan bersama.

Suntik keyakinan pelabur

Menyentuh soal ASEAN, Malaysia menyatakan pendirian memberikan sokongan penuh kepada Indonesia selaku Pengerusinya tahun ini supaya ASEAN terus diperkukuh dan berkesan.

Isyarat dibawa kerajaan baharu juga diharap menyuntik keyakinan kepada pelabur Indonesia mengenai perubahan di negara ini meliputi kemudahan menjalankan perniagaan dan kadar kelulusan pelaburan lebih pantas, sekali gus dapat menarik lebih minat pelaburan konglomerat Indonesia untuk meninjau potensi pasaran.

Mengenai isu Tenaga Kerja Indonesia (TKI) yang sering dilaporkan terdedah kepada penin-

dasan dan penderaan, diharapkan akan ada saluran dibangunkan untuk memastikan penempatan dan perlindungan TKI, manakala pusat pendidikan komuniti direalisasikan untuk anak migran Indonesia di Semenanjung.

Bagaimanapun, ada satu perkara penulis nantikan tetapi belum sempat dibawa ke tengah meja perundingan, iaitu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di peringkat ASEAN.

Fakta kedudukan bahasa Melayu sudah banyak kali diulang, iaitu lebih separuh daripada 600 juta penduduk ASEAN adalah penutur bahasa Melayu atau kerabatnya sebagai bahasa pertama atau kedua. Setidak-tidaknya empat negara, iaitu Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura mewartakannya sebagai bahasa kebangsaan. Tiga wilayah pula memakainya dengan luas, iaitu Selatan Thailand, Selatan Phillipina dan Kampung Cham, Kemboja.

Demografik penuturnya pada tempat kelima hingga ketujuh teramai di dunia, selain menjadi bahasa kedua di beberapa negara bukan penutur jati untuk maksud ekonomi dan pendidikan.

Namun, semua itu dicapai hanya dengan usaha sederhana sahaja.

Hakikatnya, hubungan Anwar sendiri dengan Indonesia secara peribadi terjalin erat membolehkan banyak perkara besar membabitkan pertelingkahan boleh selesai berdasarkan dengan hubungan baik dan kepercayaan terbina lama.



Pengarah Pengasas
Benevolent Malaysia